

masih ku ingat lagi.....kenangan mengusik jiwa

Saturday, October 10, 2009

TANJUNG TOKONG PULAU PINANG.

Kaknab di besarkan di Tanjung Tokong, Penang, segala kenangan kenangan manis semasa kecil diTanjung Tokong xdapat dilupakan hingga sekarang. kalau pi jalan jalan ke Tanjung Tokong kaknab ni macam semut, semut kan jumpa kawan kawan nanti bersalam, begitulah kaknab jumpa siapa pun mesti bertegur sapa, sebab kaknab ni peramah, boleh dikatankan 90% penduduk asal tanjung tokong semua kaknab kenal, sebab kaknab dulu kecik2 jual kueh, jadi, semua lorong kampung kaknab masuk. bahkan kaknab boleh ingat ini rumah siapa, itu rumah siapa, walaupun rumah sudah tiada lagi sebab dah buat apartment, flat dan kondo.



Ini ialah bangunan Kelab SetiaTanjung Tokong, kelab ini ialah tempat orang ramai menonton tv pada tahun 1964... sebelum rumah masing masing membeli tv. anak panah panjang yang dekat tingkap itulah tv diletakkan. tv sebesar 24" untuk ditonton semua penduduk Tanjung Tokong, masa tu hanya sorang dua saja yang ada tv dirumah. kami akan hampar tikar dan duduk

di padang hadapan kelab itu. selalunya, hanya gambar melayu saja dibuka untuk tontonan umum, kadang kadang gambar tamil, sivaji, mgr pun di buka juga. kaknab masih ingat lagi, gambar melayu dulu ditayangkan hari rabu pukul 9 malam. 8.30 penuhlah di padang, yang datang awal akan hampar tikar di hadapan, yang lambat akan ke belakang sikit. . masa tu selepas berita melayu, selalu dibacakan oleh Zainal Fitri, pukul 9.00 baru start gambar melayu, Pak Mad Sandun akan buka kerna dia in charge, kalau dia lambat datang ada yang pergi menurutinya di rumah. hahahahaha, xsenang duduk Pakmad ni. kadang kadang ada pula van dari JabatanPenerangan datang menayangkan wayang gambar di padang kelab ini, apabila orang ramai datang untuk menonton wayang jabatan penerangan akan menghebahkan apa apa issue yang penting untuk pengetahuan umum. masa tu lah kaknab pun xketinggalan dengan kawan kawan menjual tebulah, menjual kacang kuda lah. cari duit. memang seronok, kanak kanak sekarang tidak merasa itu semua. oh ya, di kelab ini jugalah kaknab belajar menaip masa tu kaknab form 3 tahun 1972. yuran dikenakan cuma rm5 saja. seminggu 3 kali. 1 jam tiap tiap sesi kelas, tapi kaknab dengan kawan kaknab Faridah, sekarang kerja kat jabatan pendaftaran negara, akan belajar sampai 3 -4 jam, sebab ada mesin taip yang kosong, lagipun rumah kami dekat saja dengan kelab.

di Tanjung Tokong rumah pertama yang membeli tv pada tahun 1963, rumah mak lti, iaitu rumah Tan Sri Elyas Omar, bekas datuk bandar kuala lumpur, masa tu semua budak budak pakat terpa pi rumah dia, sampai pecah pasu bunga mak lti, kaknab pun xketinggalan abang kaknab bawa pi sama tengok masa tu kaknab kecik lagi darjah 1. balik cerita kat mak kaknab, kami tengok radio ada gambar hahahahaha, xtau apa masa tu. geli hati kalau diingati.

semua itu tinggal kenangan, tapak rumah pertama yang mak kaknab sewa pun kini dah jadi pangsapuri,rumah sewa yang kedua pula, sebab rumah pertama tuan rumah jual, dah diruntuhkan untuk pembangunan. Wpun kaknab tidak tinggal lagi di tanjong tokong, itulah tempat yang pertama ingin kaknab lawati selalu, berjumpa kawan kawan sepermainan, ada yang dah beranak cucu, ada yang masih belum kahwin walapun sebaya kaknab.

Kini TanjungTokong menjadi issue, penduduk2nya takut akan terjadi macam kg buah pala,

Facebook Badge

Zainab Rejab



Create Your Badge

My Blog List

- JOM JAHIT JOM MASAK**
JJCM RIVERSIDE JANDA BAIK PAHANG
2 months ago
- OMAR M. HASHIM (OMARA)**
5 years ago
- jom pancing lepak tepi laut**
Mata kail tersangkut hidung
6 years ago
- absolute elle's**


lagu masa kaknab kecik

Music Playlist at MixPod.com

LinkWithin

Related Posts with Thumbnails

About Me



kaknab
zainabrejab56@gmail.com
View my complete profile

mai dari mana

visitor

Blog Archive

- ▶ 2023 (1)
- ▶ 2014 (2)

mereka mahu Tanjung Tokong dijadikan Kg Warisan kerana Tanjung Tokong merupakan kampung yang tertua di Pulau Pinang.

Posted by kaknab at 7:15 AM
Labels: kampung tanjung tokong

4 comments:



Bakhtiar abu Bakar January 4, 2010 at 9:35 PM
Assalamualaikum,

Saya adalah salah seorang penduduk asal Tanjung Tokong dan kedua ibu bapa saya dan datuk dan nenek juga adalah penduduk asal kampung Tanjung Tokong.

Dilahirkan pada tahun 1973, dimana semasa berusia 6 tahun saya telah dihantar oleh ibu saya iaitu Rohelah Walad dan bapa saya Abu Bakar Gani ke sekolah iaitu tadika perpaduan Kelab Setia Tanjung Tokong.

Mengimbas kembali kenangan lama boleh mengalirkan air mata bilamana kampung yang disayangi dan rumah yang disayangi (214A Tanjung Tokong) terpaksa dirobohkan pada tahun 1988. Pada masa tersebut Dato Anuar Ibrahim telah datang kekampung kami dan memujuk semua penduduk kampung agar berpindah kerumah pangsa 16 tingkat.

Saya agak terkilan dimana hak melayu Tanjung Tokong yang telah menghuni tanah Tanjung Tokong lebih daripada 150 tahun (diberi tahu oleh arwah datuk saya Walad bin Ahmad)jika dibandingkan dengan kampung cina diTokong tepi laut dekat 'Darat' (panggilan nama dekat tepi laut). Mereka telah diberi tapak warisan oleh kerajaan negeri Pulau Pinang tetapi melayu telah dihalau seperti anjing dan saya sendiri telah keluar dari kampung Tanjung Tokong pada tahun 2001.

Sayangilah kampung Tanjung Tokong, jika dibiarkan tak lebih dari 10 tahun kampung Tanjung Tokong akan menjadi kenang-kenangan.

Reply



kaknab February 24, 2010 at 5:32 PM

salam bakhtiar, cuba tanya mak bakhtiar, tengok, dia kenal x mak cik nab, nama penuh zainab rejab, rofaza walad satu kelas dengan cik nab.

Reply



Bakhtiar abu Bakar May 13, 2010 at 1:17 AM

MualaikumSalam, tak sempat saya nak bertanya kepada emak saya tentang Cik Nab,insyaallah minggu ni saya akan pulang ke Tanjung Tokong. Mengenai Rofaza, beliau adalah emak saudara saya yang sekarang ini masih menetap dirumah peninggalan keluarga iaitu rumah Tok Nah dan Wan Walat.

Emak dan abah telah berpindah kerumah pangsa belakang Island Plaza dan banyak juga orang-orang dari flat Uda dan kampung yang menduduki flat tersebut.

Reply



Unknown June 12, 2020 at 10:09 PM

Kenangan Kak Nab sungguh menyusuk Kalbu di Hati kerana kita di Besaq zaman waktu itu Didoakan semoga Penduduk2 Tanjung Tokong bersama2 kita berganding bahu bersama Bangunkan semula Penduduk penduduk Tanjung Tokong ... kita Buangkan sikap 2 lama kita...& majukan untuk Anak anak & Cucu...Aamiin.

Reply

To leave a comment, click the button below to sign in with Google.

SIGN IN WITH GOOGLE

Newer Post

Home

Older Post

Subscribe to: Post Comments (Atom)

REAL-TIME

kenali buah tempatan kita



Links

ShoutMix chat widget

Feeds

Labels

- kalau nak tahu (1)
- kampung tanjung tokong (5)
- kenangan mengusik jiwa (7)
- kisah orang perempuan (1)
- lagu2 lama (1)
- macam macam cerita ada (1)
- old kuala lumpur (1)
- peristiwa 13 may 1969 (1)

link

home | new post

▼ 2009 (15)

► November (1)

▼ October (11)

gambar lama tanjung tokong

tanjung tokong bertukar wajah

menjelang cuti penggal sekolah.

cantiknya sekolahku SKTT

lagu bahasa jiwa bangsa

dulu lain sekarang lain

2 barang cuma 5 duit (5 sen)

jangan ambik moktan (rambutan) bapaku

permainan kecil kecil dulu

kenangan raya masa kecil kecil kat tanjung tokong

TANJUNG TOKONG PULAU PINANG.

► September (3)

